



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HISTORIOGRAFI MELAYU DALAM *HIKAYAT JEPUN MASUK KELANTAN*

SALSABIILA BINTI ABDUL SAMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



29 APRIL 2011



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan
Kampus
SALSABIILA BINTI ABDUL SAMAD
M20091000191



Bismillah hirrahman nirrahim.

Assalamualaikum wr. wbt.

Hanya kepada Allah SWT, Tuhan yang maha pengasih dan maha penyayang, tempat saya memanjatkan syukur yang tidak terputus kerana masih diberikan kesihatan, kesempatan dan kemampuan bagi menyiapkan Laporan Projek ini. Segala puji kepada Tuhan yang memiliki sepenuhnya bumi, langit dan segala apa pun yang dikehendaki-Nya. Semua yang bernilai pada diri ini adalah milik-Nya. Selawat serta salam kepada Rasulullah, manusia terbaik yang pernah hidup di dunia ini. Akhlak baginda terpuji dan karekternya mulia.

Ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat Dr. Azhar bin Wahid yang sudi menyelia, memberikan tunjuk ajar, panduan dan nasihat sehingga ke penghujung Laporan Projek ini dihasilkan. Terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah yang pernah mencurahkan ilmu kepada saya sepanjang 2 tahun di UPSI.

Kepada insan tertentu, saya wajib berterima kasih. Mereka yang telah banyak berkorban masa, wang dan segala-galanya. Melalui mereka ini, Tuhan mengalirkan kasih sayang kepada saya. Mereka adalah kedua ibu bapa saya iaitu; Hj Abdul Samad Saad dan Hj Asma Abu Bakar. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan, kerana kalianlah saya berpeluang melihat dunia ini dan kerana kalian jugalah saya menjadi seorang manusia. Tidak terbalas segala jasa kalian. Buat adik-adik Ahmad Sayyaf, Abdul Al Hariss, Syazani, Syafiqah dan Amir Haidar, semoga kejayaan ini menjadi pendorong kepada kalian untuk lebih berjaya.

Juga ucapan terima kasih buat keluarga Hj Rokiah Saad dan Hj Roslan Yusof kerana banyak membantu serta memberikan sokongan moral dalam proses menyempurnakan Laporan Projek ini.



Kepada sahabat-sahabat terdekat saya, Nordiana Ab Jabbar, Kak Fara, Kak Siti, Huda. Terima kasih. Semoga kejayaan kita tidak terhenti di sini sahaja. Buat Norihan Rahim, terima kasih untuk semuanya....semoga kita sama-sama mencapai impian itu.

Sekian, terima kasih. Semoga Allah membalas jasa kalian....

Salsabiila Binti Abdul Samad.

Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak.



ABSTRAK

Kajian ini meneliti sebuah naskhah Manuskrip Melayu lama berbentuk hikayat. Naskhah yang digunakan dalam kajian ini ialah naskhah *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Teori New Historisisme telah digunakan dalam melaksanakan kajian terhadap naskhah lama ini. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk melihat peristiwa sejarah yang pernah berlaku di Tanah Melayu sebelum merdeka seperti mana telah disampaikan oleh pengarang kepada para khalayak pembaca dalam hikayatnya. Setelah meneliti isi kandungan naskhah *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*, didapati bahawa naskhah ini telah banyak memberikan pengetahuan sejarah kepada pembaca. Antara peristiwa sejarah tersebut termasuklah peristiwa kemasukkan Jepun ke Tanah Melayu melalui negeri Kelantan, peperangan dan perebutan kuasa, hubungan diplomatik negara kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Jerman dan China, konflik masyarakat dan kepimpinan. Semua peristiwa yang diberikan telah disertakan bukti bagi menguatkan hujahan. Justeru, kajian yang dijalankan ini diharapkan akan dapat membantu bagi melestarikan seni warisan Bangsa Melayu yang merupakan jati diri orang Melayu itu sendiri.





ABSTRACT

This study examines old Malay manuscript copies of the form Hikayat. The manuscript are used in this study are manuscript of *Hikayat Japanese Coming in Kelantan*. New historicism theory has been used in conducting research on old manuscripts. The purpose of this survey is to see historical events that have occurred in Malaya before independence as presented by the authors to readers in the audience Hikayat. Having examined the contents of manuscript of the *Hikayat Japanese Coming in Kelantan*, it was found that this volume has knowledge of history to the reader. Among the historical events including the events of Japan's entry into Malaya by the Kelantan state, war and power struggle, diplomatic relations major powers like the United States, Germany and China, communities and leadership. All events have given proof of the strong arguments. Furthermore, the study will hopefully help to preserve the heritage of the Malay races and is identity Malay itself.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PNM	-	Perpustakaan Negara Malaysia
Hlm.	-	Halaman
S.W.T	-	Subhanahu wa Ta'ala
S.A.W	-	Salla 'Ilahu 'alaihi wassallam
MPAJA	-	Malayan People's Anti Japaness Army
KMM	-	Kesatuan Melayu Muda
PETA	-	Pembela Tanah air
KRIS	-	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SISTEM TRANSLITERASI

Sistem transliterasi yang digunakan adalah berdasarkan sisten transliterasi Amran Kasimin dari buku *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1987. (hlm. 38).

Nama-nama Huruf	Bentuk Terasing	Transliterasi
Alif	ا	a
Ba	ب	b
Ta	ت	t
Tha	ث	s
Jim	ج	j
Ha	ح	h
Kha	خ	kh
Dal	د	d
Dhal	ذ	z
Ra	ر	r
Zai	ز	z
Sin	س	s
Shin	ش	sh
Sad	ص	s
Dad	ض	d
Ta	ط	t
Za	ظ	z
Ain/ayn	ع	'
Ghain	غ	gh
Fa	ف	p
Qaf	ق	q
Kaf	ك	k
Lam	ل	l
Mim	م	m
Nun	ن	n
Waw	و	w
Ya	ي	y
Hamzah	ء	'

KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

HALAMAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SISTEM TRANSLITERASI	ix
KANDUNGAN	x

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Kepentingan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Penyelenggaraan Teks Manuskrip	11
1.7	Definisi Konsep	12
1.7.1	Unsur Sejarah	12
1.7.2	<i>Hikayat Jepun Masuk Kelantan</i>	13
1.8	Kaedah Kajian	13
1.9	Penutup	14



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian Literatur Doktor Falsafah (Ph.D)	15
2.3	Kajian Literatur Sarjana	16
2.4	Kajian Literatur Sarjana Muda	18
2.5	Kajian Literatur Buku-buku Ilmiah	19
2.6	Penutup	22

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	23
3.2	Teori New Historisisme	25
3.3	Penutup	31

BAB IV HISTORIOGRAFI MELAYU

4.1	Pengenalan	32
4.2	Latar Belakang Teks <i>Hikayat Jepun Masuk Kelantan</i>	42
4.2.1	Naskhah yang Digunakan	48
4.2.2	Keadaan Naskhah	48
4.2.3	Pengarang Naskhah	51
4.2.4	Pentarikan Naskhah	53
4.2.5	Tujuan Penulisan Naskhah	55



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.3	Analisis Unsur Sejarah (New Historisisme) dalam <i>Hikayat Jepun Masuk Kelantan</i>	56
4.3.1	Peperangan dan Perebutan Kuasa	57
4.3.2	Konflik Masyarakat	71
4.3.3	Hubungan Diplomatik Negara Kuasa-kuasa Besar	83
4.3.4	Kepimpinan Mengatasi Masalah Ekonomi	88
4.4	Rumusan	100
BAB V PENUTUP		102
BIBLIOGRAFI		113
LAMPIRAN		
	Transliterasi teks <i>Hikayat Jepun Masuk Kelantan</i>	117
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi		
Manuskrip <i>Hikayat Jepun Masuk Kelantan</i>		





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Karya kesusasteraan tradisional merupakan khazanah yang sangat bernilai kerana ia menjadi gambaran kehidupan dan budaya masyarakat Melayu pada masa lampau untuk diperlihatkan kepada generasi sekarang. Kepentingan hasil kesusasteraan dapat dilihat apabila banyak karya terutamanya manuskrip Melayu dijadikan bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun asing seperti Za'ba, Siti Hawa Haji Salleh, R.O Winstedt, R Roolvink, C.Hooykaas dan ramai lagi.

Apa yang dimaksudkan sebagai manuskrip Melayu ialah hasil-hasil karya yang berbentuk prosa dan puisi yang bertulis tangan. Setiap perkataan di dalam teksnya bertulisan Jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal abad ke-20. Antara genre kesusasteraan Melayu tradisional yang terdapat dalam



koleksi manuskrip-manuskrip ini ialah hikayat, ilmu tradisional, perubatan, ketatanegaraan, undang-undang, sejarah serta warkah.

Menurut Ding Choo Ming (2005: 21) perkembangan dan kemunculan sesebuah tamadun berkait rapat dengan hasil penulisannya. Sesebuah tamadun yang maju akan muncul apabila segala peristiwa dan ilmu yang diamalkan oleh masyarakatnya dirakamkan dalam bentuk yang lebih kekal. Masyarakat Melayu juga tidak terkecuali merakamkan segala yang berlaku pada suatu masa dahulu dalam tulisannya. Hasil penulisan masyarakat Melayu ini dapat dilihat melalui manuskrip-manuskrip Melayu yang terdapat di seluruh dunia. Penyebaran manuskrip di seluruh dunia ini merupakan satu bukti bahawa orang-orang Melayu merupakan orang yang bertamadun. Kini manuskrip Melayu telah tersebar luas di seluruh dunia. Semakin lama semakin banyak teks atau versi dijumpai, sama ada dari tempat yang memang sudah terkenal menyimpan manuskrip Melayu atau dari tempat yang selama ini didapati tidak ada kaitan langsung dengan penyimpanan bahan-bahan itu.

Selain itu, faktor perhubungan di antara Alam Melayu dengan tamadun-tamadun dunia yang lain juga menambah bilangan manuskrip dalam pelbagai genre. Dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional, genre hikayatlah yang merupakan genre terbesar dan paling banyak menghasilkan karya kesusasteraan. Malah genre ini juga merupakan satu genre yang paling disalah fahami oleh pengkaji-pengkaji sastera Melayu, hingga ada yang menganggapnya sebagai satu genre yang merumitkan dan penuh dengan rahsia dan tanda tanya yang tidak terjawab.

Sebenarnya genre rakyat ini telah lama menjadi tumpuan pengkajian kerana terdapat banyak hasil kesusasteraan Melayu yang termasuk ke dalam golongan ini, sama ada kerana betul-betul wajar berada dalam penjenisan itu ataupun semata-mata kerana karya itu menggunakan istilah *hikayat* pada judulnya. Nyata salah satu sebab timbul kekeliruan ini ialah dengan tiadanya suatu definisi yang muktamad tentang istilah *hikayat* itu dan juga dengan ketiadaan penetapan penggolongan genre yang memuaskan bagi semua hasil kesusasteraan Melayu tradisional hingga kini.

Ramai pengkaji tidak begitu peka atau terus enggan menerima kenyataan bahawa hasil-hasil kesusasteraan Melayu tradisional itu mempunyai sifat dan ciri penulisan yang tertentu sehingga dapat digolongkan ke dalam genre-genre yang berlainan. Oleh itu, mereka sering melonggokkan hasil kesusasteraan yang berbeza jenisnya itu ke dalam longgokan yang sama dan terus membincangkannya di bawah tajuk yang sama. Mereka melakukannya seolah-olah tidak ada perbezaan sama sekali dari segi penulisan antara *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hilayat Isma Yatim*, *Hikayat Darmawangsa* dan sebagainya.

Penggunaan istilah *hikayat* pada judul hampir semua genre penulisan sastera oleh pujangga-pujangga zaman dahulu di merata pelosok Nusantara, jelas bahawa bagi pengarang-pengarang itu istilah *hikayat* tidak dianggap sebagai nama khas sesuatu genre tetapi merupakan satu istilah atau perkataan yang membawa makna tertentu yang telah diterima oleh seluruh masyarakat. Ternyata bahawa bagi masyarakat tradisional, hikayat mengandungi makna cerita, kisah, riwayat, dan sebagainya. Dan makna yang diterima umum ini mempunyai kaitan yang sangat erat dengan makna asal perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Mengikut *First Encyclopedia of Islam* (dalam Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, et.al. 2006:148-152) perkataan *hikayat* dalam bahasa Melayu ini berasal daripada perkataan *hikaya* dalam bahasa Arab. *Hikaya* pada mulanya bermakna “pelbagai sejarah” tetapi makna ini telah berubah dari semasa ke semasa sehingga akhirnya ia mendapat makna yang paling biasa iaitu “cerita” dan “naratif”. Dalam zaman tradisi Arab, perkataan ini membawa makna meniru dengan aksi, tetapi biasanya dengan maksud yang buruk. *Hikaya* juga mengandungi maksud “segala yang berikutnya”, meniru sesuatu pergerakan, mimik, dengan tujuan bergembira. Dengan makna yang terakhir ini lahir perkataan *hakiya* yang bermaksud seorang peniru atau seorang pemimik. Yang terlibat di sini ialah peniruan ucapan ataupun pelahiran semula sesuatu pengucapan.

Pada satu peringkat lain *hikaya* berkembang maksudnya menjadi cerita rekaan, bukan mengenai kejadian masa silam dan kisah-kisah di tempat jauh yang melibatkan jin dan ilmu sihir, tetapi kehidupan sebenar yang diketahui atau dialami oleh pembaca sendiri. Melalui perubahan inilah banyak unsur baharu masuk ke dalam kesusasteraan Arab. Muncullah pencerita atau penghibur dengan pelbagai cerita yang ajaib-ajaib, kisah percintaan dan cerita-cerita mengenai jin yang sebenarnya sukar diletakkan ke dalam mana-mana genre.

Dalam abad keempat dan kelima, istilah-istilah ini bertukar maknanya untuk sesuatu jenis cerita tertentu. Suatu istilah lain yang pernah digunakan ialah *maqama*, yang sebenarnya adalah sama dengan *hikaya* tetapi pengarang-pengarang sentiasa berusaha untuk memperlihatkan wujudnya perbezaan antara *maqama* dan *hikaya* hingga akhirnya kelihatan bahawa *maqama* lebih merupakan suatu pidato yang searah

sementara *hikaya* pula merupakan suatu reproduksi yang penuh dengan aksi dan aktiviti kehidupan. Perkembangan makna baharu ini dipesatkan lagi oleh perkembangan makna untuk *baka* yang bermaksud cerita atau bercerita.

Ensiklopedia tersebut juga memberi penjelasan yang hampir sama mengenai asal-usul istilah *hikaya* dalam bahasa Arab ini dengan beberapa tambahan. Di samping meniru, *hikaya* dikatakan dicipta setelah pengarangnya memerhati dengan teliti kehidupan di sekitarnya. Kadang-kadang pengarang sengaja mereka cerita untuk menyokong gerak mimiknya.

Pencerita juga dikatakan bukan sahaja melakonkan mimik yang menarik semasa bercerita tetapi juga memakai pakaian tertentu bagi melambangkan watak-watak yang ingin ditirunya semasa bercerita itu. Dengan itu kita dapat membuat kesimpulan bahawa dengan aksi-aksi demikian *hikaya* bukanlah cerita tentang zaman silam tetapi lebih tentang kehidupan semasa.

Suatu hal yang menarik yang disebutkan dalam ensiklopedia ini ialah pencerita-pencerita adalah terdiri daripada wanita sementara penontonnya terdiri daripada wanita dan kanak-kanak dan penceritaan sering dilakukan pada waktu malam. Sememangnya mengikut tradisi, masa untuk bercerita atau duduk berkumpul dengan selesa adalah pada waktu malam sedangkan siang ialah waktu untuk bekerja. Iklim di Tanah Arab juga menetapkan malam sebagai masa yang lebih sesuai untuk bercerita. Menurut kepercayaan juga, bercerita pada waktu malam menambahkan lagi keindahan cerita tersebut sementara waktu siang mengurangkan segala unsur magis dan sihir yang terdapat dalam cerita itu. Kenyataan bahawa pencerita-penceritanya

terdiri daripada wanita juga memberi keterangan tidak langsung mengapa sebahagian besar cerita ini mengemukakan wanita sebagai wira atau watak pentingnya.

Sebahagian besar cerita ini disebut sebagai *asyik* dan banyak mengandungi unsur-unsur ajaib dan lagenda. Di samping bermula sebagai cerita-cerita lisan, cerita-cerita ini banyak menggunakan puisi untuk menjadikannya lebih romantik.

Dalam sastera Turki, *hikayat* ini berbeza panjangnya. Cerita-cerita yang panjang disambung dari malam ke malam. Terdapat juga cerita-cerita berbingkai yang bersambung-sambung dengan pelbagai selingan dan amat popular. Daripada keterangan yang diperolehi daripada ensiklopedia ini jelas kepada kita bahawa istilah *hikayat* yang digunakan dalam sastera Melayu ini menggabungkan kesemua makna istilah-istilah yang terdapat dalam sastera Arab. Dalam maksud asal ini terangkum definisi yang diterima umum oleh masyarakat Melayu Nusantara seperti yang telah dinyatakan, di samping mengandungi juga makna cerita dongeng atau cerita yang direkakan.

Apabila definisi yang umum tentang istilah *hikayat* ini diterima, maka mudahlah difahami mengapa ia sentiasa menjadi pilihan untuk menjadi judul pada apa sahaja cerita yang dikemukakan. Patut juga diperhatikan bahawa judul *hikayat* tidak pernah dipakai pada hasil-hasil tulisan yang bersifat bukan cerita atau nonnaratif seperti kitab-kitab agama, kitab-kitab perundangan ataupun kitab-kitab perubatan, bahasa, ketatanegaraan dan sebagainya.



Dengan menerima istilah *hikayat* sebagai satu istilah umum demikianlah maka kita dapati hasil-hasil kesusasteraan daripada genre yang berbeza pun menggunakan istilah *hikayat* pada judulnya. Lantas cerita-cerita dalam genre *lipur lara*, *sejarah*, *kepahlawanan*, *hikayat* dan cerita-cerita yang mengandungi unsur-unsur Hindu dan Islam dan sebagainya semua memakai istilah *hikayat* pada judulnya. Perlu juga diingatkan di sini bahawa istilah *hikayat* yang didapati terpakai pada cerita-cerita lipur lara Melayu itu telah digunakan oleh Winstedt bagi cerita-cerita yang dikumpul dan diterbitkannya. Cerita-cerita tersebut diberi judul *hikayat* sedang para penglipur lara Melayu amnya hanya menyebut kisah-kisah itu sebagai *cerita* sahaja.

Walau bagaimanapun, istilah itu sama sekali tidak mengelirukan khalayaknya, baik pembaca atau pendengar dalam mengenali apakah jenis cerita yang dikemukakan kepadanya. Perkara yang menjadi penentu genre cerita ialah ciri-ciri penceritaan dan isi cerita yang disampaikan, di samping didahului dari segi kepentingannya oleh tujuan sesuatu kisah itu dicipta dan fungsi cerita tersebut. Walaupun kadang-kadang tidak terdapat garis pemisah yang ketara antara genre-genre itu, namun unsur-unsur dan ciri penulisan yang paling menonjol serta aspek-aspek lain yang utama membantu pengkaji untuk menetapkan genre sesuatu hasil kesusasteraan itu.

Dengan penetapan yang demikian berbagai-bagai hikayat atau cerita yang terdapat dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional dikelompokkan ke dalam genre masing-masing. Hikayat-hikayat yang banyak mengandungi unsur kepahlawanan dan kebangsaan diletakkan ke dalam genre *sastera epik* sementara yang lebih ketara dengan unsur-unsur cerita panji ditempatkan dalam genre *sastera panji*. Hasil-hasil kesusasteraan yang berkisar pada kisah para nabi dan tokoh-tokoh Islam,

diletakkan ke dalam genre berkenaan, sementara yang lebih berat membawa unsur-unsur sejarah atau historiografi digolongkan dalam genre *sastera sejarah*.

Kajian ini meneliti teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Hikayat ini adalah salah satu karya kesusasteraan Melayu tradisional yang dapat dikelompokkan ke dalam genre sastera bercorak sejarah (historiografi). Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu peristiwa dan catatan sejarah yang pernah berlaku suatu masa dahulu telah memberi pengaruh yang besar terhadap penghasilan karya sastera.

Oleh itu, kajian terhadap *Hikayat Jepun Masuk Kelantan* merupakan satu langkah yang dirasakan perlu kerana hikayat ini kaya dengan peristiwa sejarah yang pernah berlaku semasa Jepun memasuki Malaya melalui negeri Kelantan. Selain itu, digambarkan juga senario yang terpaksa ditanggung oleh rakyat akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

1.2 Pernyataan Masalah

Unsur-unsur sejarah banyak sekali disampaikan oleh pengarang dalam naskhah-naskhah lama sama ada yang bersifat prosa atau puisi. Dalam erti kata lain, naskhah ini dijadikan medium oleh pengarang-pengarang silam sebagai alat untuk menggambarkan peradaban masyarakat yang mempunyai perasaan, sikap, kepercayaan dan cita-cita sesuai dengan kehendak sezaman. Antara persoalan-persoalan yang seringkali diperkatakan dalam konteks nilai sejarah ini adalah seperti agama, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Seperti naskhah-naskhah yang lain, kandungan *Hikayat Jepun Masuk Kelantan* ini juga turut memperkatakan hal-hal sedemikian. Walaupun karya-karya sejarah ini ditulis dalam bentuk sastera tetapi cerita di dalamnya juga mengandungi fakta-fakta sejarah terutama dari segi nama pelaku, latar tempat dan latar masa. Justeru, penelitian yang dilakukan pengkaji ini bertujuan untuk melihat unsur sejarah yang terdapat di dalam teks ini dan persamaan dengan peristiwa sebenar yang pernah berlaku dalam sejarah. Hal ini juga mencerminkan kepekaan dan keintelektualan Melayu dalam menghasilkan sebuah naskhah bercorak sejarah sedangkan masyarakat pada zaman itu rata-ratanya tidak menerima pendidikan secara formal seperti masyarakat pada hari ini.

1.3 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini dapat dikenal pasti sejauh mana pengarang *Hikayat Jepun Masuk Kelantan* dapat menghasilkan cerita berunsur sejarah untuk dipaparkan kepada khalayak. Tidak semua pengarang mampu menghasilkan hikayat atau cerita yang mempunyai perkaitan dengan sejarah kerana perkara ini agak rumit untuk dihasilkan.

Selain itu, kajian ini dilakukan untuk memberi pendedahan kepada semua tentang apa yang hendak disampaikan oleh pengarang dalam hikayatnya. Oleh itu, kepentingan kajian ini ialah untuk mengetahui kebenaran dan persamaan cerita yang terdapat dalam hikayat serta cerita sejarah.

1.4 Objektif Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- 1) Memperkenalkan teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan* kepada masyarakat. Hasil kajian terhadap teks ini diharap dapat dipaparkan kepada khalayak sebagai pembacaan dan pengetahuan umum.
- 2) Mentransliterasi teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Usaha ini diharap dapat memperlihatkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa khazanah yang dihasilkan berdasarkan pemikiran pengarang pada masa lampau amat berharga dan perlu dijaga.
- 3) Mengupas unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Usaha ini diharap dapat memberi pengukuhan, pengajaran dan menambah pengetahuan pembaca terhadap sejarah.

1.5 Batasan Kajian

Pengkajian dan penyelidikan dilakukan berpandukan naskhah manuskrip yang bertajuk *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*, bernombor panggilan MSS 3149 yang diperoleh dari Pusat Manuskrip Melayu; Perpustakaan Negara Malaysia. Fokus utama kajian ialah mentransliterasi teks serta mengemukakan peristiwa sejarah yang terdapat dalam hikayat ini. Selain itu, batasan kajian ini juga mencakupi hal dan peristiwa yang berlaku di Kelantan semasa kemasukkan tentera Jepun yang ada kaitannya dengan keadaan sosial, politik dan ekonomi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Penyelenggaraan Teks Manuskrip



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam proses penyelenggaraan teks, terlebih dahulu teks ini perlu ditransliterasi. Selepas ditransliterasi, penyelenggaraan teks ini akan melibatkan beberapa proses seperti berikut:

1) Mentransliterasi teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Transliterasi bermaksud penggantian atau peralihan huruf, abjad atau aksara yang lain kepada huruf aksara yang lain. Contohnya, Jawi ke Rumi, Jawa ke Rumi dan lain-lain lagi.

2) Langkah seterusnya ialah membahagikan perenggan yang sesuai kepada teks *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*. Perenggan yang dibuat berdasarkan kesesuaian jalinan cerita. Selain itu, tanda huruf besar juga diberikan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

3) Memberikan tanda bacaan. Dalam penyelenggaraan teks ini, perlu tanda baca diberikan untuk memudahkan pembacaan kelak. Antara tanda-tanda bacaan yang telah diberikan ialah tanda baca (.), (,), (“ ”), (?), (!) dan lain-lain lagi.

4) Seterusnya simbol-simbol seperti [] juga diberikan untuk menggambarkan abjad, huruf, perkataan dan ayat yang digugurkan kerana berlakunya perulangan yang sama ataupun tidak sesuai manakala simbol () pula diberikan untuk menggambarkan abjad, huruf, perkataan dan ayat yang ditambah. Seterusnya simbol (/) pula menggambarkan permulaan halaman



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

baru teks.

5) Di samping itu juga, perkataan-perkataan dan ayat yang kurang jelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksudnya akan ditafsirkan dan diberi makna. Tafsiran ini akan diletakkan di bahagian catatan bawah (nota kaki). Penafsiran yang tepat terhadap isi cerita naskhah penting supaya maknanya tidak terpesong daripada isi cerita yang sebenar.

1.7 Definisi Konsep

Unsur Sejarah dalam *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*.

1.7.1 Unsur Sejarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Teuku Ibrahim Alfian (dalam Jebat, bil 2, 1972/73: 99) perkataan sejarah dalam bahasa Arab disebut 'syajarah' yang bererti pohon atau daftar keturunan. Sementara dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai 'history'. Selain itu, D.M. Sturley (1969: 1) mentakrifkan sejarah sebagai satu bentuk cerita, satu bentuk pengetahuan yang dirangkakan secara metodologi dan bersistematik.

Sementara itu, menurut seorang sejarawan Barat yang terkenal iaitu R.G. Collingwood (1969: 10) sejarah ialah satu sains (ilmiah) yang menginterpretasikan masa lampau dengan berdasarkan butir-butir kenyataan, ditilik secara terasing (iaitu penulis mesti mengenyepikan perasaannya sendiri).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dihubungkan pendapat R.G. Collingwood dan D.M. Sturley ini dengan hasil-hasil penulisan sejarah tradisional Melayu, maka dengan sekaligus dapat disimpulkan bahawa karya-karya itu tidak mencukupi syarat sejarah sebagai satu sains. Hakikat pengertian sejarah sejati ini tidak boleh diketepikan kerana objektif yang berdasarkan kebenaran dan kenyataan perlu dipertahankan.

1.7.2 *Hikayat Jepun Masuk Kelantan*

Hikayat ini diperolehi dari pusat penyimpanan manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Isi cerita *Hikayat Jepun Masuk Kelantan* ini mengisahkan tentang Jepun yang telah memasuki Malaya melalui negeri Kelantan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kelantan semasa kemasukan tentera-tentera Jepun.

1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan. Melalui perpustakaan, pengkaji telah mendapatkan buku-buku atau bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk kajian ini ialah Perpustakaan Tuanku Bainun di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) serta Perpustakaan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Selain itu, bagi

melengkapkan lagi bahan-bahan yang sedia ada, fakta-fakta dalam laman sesawang yang berkaitan dengan isu yang dibicarakan dalam hikayat ini turut diambil.

1.9 Penutup

Sebagaimana diketahui, kesusasteraan sejarah merupakan cabang kesusasteraan yang paling penting di dalam kesusasteraan Melayu lama. Genre ini bukan sahaja telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang kesusasteraan Melayu tetapi juga merupakan bidang yang berjaya menarik minat ramai pengkaji kesusasteraan terutama dari Barat yang mula-mula mempelopori bidang ini serta sarjana tempatan.

Bolehlah disimpulkan bahawa Teori New Historisisme ini dapat membantu karya-karya sastera dan hasil-hasil historiografi Melayu untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penulisan sejarah tempatan. Walaupun di dalamnya ada kalanya terkandung unsur mitos dan legenda, namun kebenaran fakta sejarah yang ada masih dapat digunakan dan diterima. Ini adalah penting supaya kita tidak meletakkan karya-karya ini di tempat yang salah atau yang tidak wajar sebagaimana yang dilakukan oleh segelintir orientalis.

